



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM

KENYATAAN MEDIA

INISIATIF KEMENTERIAN BAGI BELANJAWAN 2024

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) menyambut baik dan menyokong Belanjawan 2024 berjumlah RM393.8 bilion yang telah dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri dengan tema “Reformasi Ekonomi, Memperkasa Rakyat”.

NRECC menzahirkan penghargaan atas keprihatinan Kerajaan yang memperuntukkan sejumlah RM7.133 bilion kepada Kementerian ini, dengan peningkatan sebanyak 9.08% berbanding tahun 2023. Peruntukan ini merangkumi perbelanjaan mengurus berjumlah RM1.702 bilion dan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM5.430 bilion.

NRECC menyambut baik usaha Kerajaan untuk terus menambah baik pendekatan subsidi elektrik bersasar mengikut tahap penggunaan elektrik seterusnya memberi isyarat tepat kepada pengguna untuk mempraktikkan kecekapan tenaga dan amalan berjimat cermat dalam penggunaan elektrik seharian. Kerajaan telah melaksanakan subsidi bersasar dengan melepaskan sebahagian subsidi bagi 10 peratus penggunaan elektrik tertinggi tetapi pada masa yang sama, mengekalkan subsidi yang sama bagi 90 peratus pengguna. Ekoran dairipada pelaksanaan subsidi bersasar tersebut, inflasi kekal stabil pada kadar 2% bagi Julai dan Ogos 2023.

NRECC turut menyokong usaha Kerajaan bagi mengurangkan beban tanggungan bil elektrik pengguna B40 dan memastikan bekalan elektrik yang mampu bayar dengan meneruskan pemberian subsidi bersasar berjumlah RM55 juta melalui Program Rebat RM40. Seramai lebih 160,000 Ketua Isi Rumah yang berdaftar dengan Sistem eKasih dijangka akan menerima manfaat ini pada tahun 2024.

Ke arah mengukuhkan industri bekalan elektrik Sabah, Kerajaan akan meneruskan menyalurkan subsidi bagi tempoh 7 tahun (sehingga 2030) selepas penyerahan kuasa kawal selia bekalan elektrik kepada Kerajaan Negeri Sabah (KNS) pada 3 Januari

2024 kelak.

NRECC mengalu-alukan usaha Kerajaan menyediakan Dana Mudah Cara Peralihan Tenaga Negara dengan nilai keseluruhan berjumlah 2 bilion ringgit bagi menterjemah hasrat Pelan Peralihan Tenaga Kebangsaan (NETR), serta dana pembiayaan dari institusi Kewangan bernilai RM200 bilion bagi mendorong peralihan kepada ekonomi rendah karbon. Selain itu, pelaksanaan *Corporate Green Power Programme* akan terus ditambah baik dan kaedah pelaksanaan yang sesuai untuk memacu pelaburan dalam kapasiti tenaga boleh baharu termasuk model Akses Pihak Ketiga (TPA) akan terus diterokai.

Ke arah meningkatkan galakan kepada pemasangan panel solar di bumbung kediaman, Kerajaan akan melanjutkan tempoh tawaran program Net Energy Metering (NEM) sehingga 31 Disember 2024 serta membangunkan program pembelian balik solar di bumbung bangunan dengan implikasi kos kepada sistem yang minimum.

NRECC menghargai keprihatinan Kerajaan dalam meningkatkan peratusan kawasan perlindungan hutan dan melindungi hidupan liar yang terancam, dengan meningkatkan peruntukan *Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation* (EFT) kepada 200 juta ringgit berbanding 150 juta ringgit pada tahun 2023.

Kerajaan turut memperuntukkan RM60 juta ringgit bagi menambah bilangan renjer komuniti dari kalangan kalangan veteran ATM, PDRM, Orang Asli dan komuniti setempat di bawah Program Program Perlindungan Biodiversiti dan Rondaan (BP3) kepada 2,000 orang. Usaha ini bertujuan meningkatkan penguatkuasaan kawasan hutan simpan kekal, membanteras pencerobohan, pembalakan, pemburuan dan perlombongan haram.

Kerajaan juga prihatin ke atas konflik hidupan liar yang dihadapi rakyat dengan memperuntukkan RM10 juta bagi membantu meringankan beban kerugian kerosakan harta benda dan tanaman pertanian yang diakibatkan oleh hidupan liar. NRECC turut menerima baik hasrat Kerajaan bagi mempelopori penerbitan sukuk biodiversiti hingga RM1 bilion bagi menjana kredit karbon hutan melalui usaha sama dengan Kerajaan Negeri.

Kerajaan terus meningkatkan perlindungan rakyat daripada bencana banjir melalui pelaksanaan 33 Projek Tebatan Banjir Berkeutamaan Tinggi (PTBBT) melibatkan kos RM11.8 bilion. Bagi tujuan ini, Surat Setuju Terima (SST) bagi 24 projek PTBBT akan dikeluarkan tahun ini mulai Oktober 2023 dengan baki SST akan dikeluarkan pada suku tahun pertama 2024.

NRECC menyokong ikrar Kerajaan bagi menyelesaikan isu bekalan air bersih terutamanya di Kelantan, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan melalui peruntukan berjumlah RM1.1 bilion. Langkah penyelesaian ini merangkumi Bagi negeri Kelantan, projek pembinaan Loji Rawatan Air Machang Fasa 1 berkapasiti 250 juta liter sehari, penggantian paip simen asbestos bagi mengurangkan kadar kehilangan air terawat serta gangguan bekalan air ekoran paip bocor. Sewaan lori tangki dan tangki statik akan ditambah bagi memastikan rakyat Kelantan mendapat bekalan air segera ketika berlaku gangguan bekalan. Bagi mengatasi isu bekalan air khususnya di Kota Kinabalu, Sabah, tumpuan adalah untuk memulih dan menggantikan infrastruktur serta peralatan bagi meningkatkan kapasiti loji rawatan air. Bagi Wilayah Persekutuan Labuan pula, usaha ditumpukan kepada penggantian paip-paip yang usang serta membaik pulih infrastruktur air sedia ada.

NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM
(NRECC)
13 OKTOBER 2023

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia